



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Daerah Pendang** sahaja yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Pejabat Pengurus Wilayah III MADA, Pendang, Kedah Darul Aman** pada **14 Oktober 2024** sehingga jam **12:00** tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
MEMBINA DAN MENYIAPKAN PAGAR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PEJABAT PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN E-III KOBAB, WILAYAH III, MADA . [SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/A/55/2024]	7 Oktober 2024 (Isnin) Jam 10.00 Pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi Berkumpul di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan MADA E-III Kobab, KM. 22.5 Jalan Pendang, 06700 Pendang, Kedah Darul Aman. Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE21 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	RM 10 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	14 Oktober 2024 (Isnin) Jam 12.00 tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Pejabat Pengurus Wilayah III MADA, Pendang, Kedah Darul Aman** mulai **7 Oktober 2024 (Isnin)** sehingga **14 Oktober 2024 (Isnin)** sehingga jam **12:00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.
4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.

5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
- Pembayaran secara tunai; ATAU
 - Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima.

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Pejabat Pengurus Wilayah III MADA, Pendang, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 30/9/24

Tandatangan :
Nama
Jawatan


E. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Pencarah
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)